

UMS guna sistem MyCPD nilai kecekapan kakitangan

Hayati Dzulkifli

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) kini menggunapakai satu sistem dikenali sebagai MyCPD (Pembangunan Profesional Berterusan) bagi menilai tahap kecekapan dan prestasi kerja kakitangannya.

Naib Canselor Prof. Datuk Dr. Kamaruzaman Hj Ampon berkata sistem baru itu menggantikan sistem berasas peperiksaan dikenali sebagai Penilai Tahap Kecekapan (PTK) bagi kakitangan awam yang digunakan oleh UMS.

Katanya, pelaksanaan sistem MyCPD di UMS akan meningkatkan kemahiran dan pengetahuan yang berkaitan dengan tugas masing-masing dan menggalakkan pengalaman pembelajaran sepanjang hayat.

"Sebenarnya sistem MyCPD adalah keputusan pengubahsuaian sistem PTK berdasarkan pekeliling perkhidmatan kerajaan di mana pengurusan universiti-universiti termasuk UMS secara kolektif bersetuju menggunapakai sistem MyCPD, satu harta intelek Universiti Sains Malaysia (USM) sebagai sebuah model pelaksanaan.

"Setakat ini, UMS adalah universiti ketiga menggunakan sistem baru itu selepas USM dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Perak di negara ini.

"Sebenarnya, ramai memberi pendapat bahawa penila-

ian melalui PTK berasaskan peperiksaan kurang berkesan untuk terus menjana prestasi cemerlang di kalangan penjawat awam di setiap peringkat," katanya.

Beliau berkata demikian ketika melancarkan aplikasi sistem MyCPD di Dewan Resital UMS di sini, Rabu. Turut hadir ialah Pendaftar UMS Abdullah Hj. Mohd Said, Prof dari USM Prof. Dr. Abd. Aziz Tajudin, dan pegawai-pegawai UMS yang lain.

Secara perbandingan kepada PTK berasaskan peperiksaan, Dr. Kamaruzaman berkata sistem MyCPD hanya akan menilai prestasi kakitangan berdasarkan berdasarkan mata kredit yang dikumpul selepas mengambil kursus atau latihan yang berkaitan dengan jawatan masing-masing.

Di bawah sistem ini, katanya, terdapat mata kredit minimum yang perlu diperolehi oleh kakitangan dalam tempoh setahun untuk membolehkan mereka dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat dan gaji.

Beliau berkata kakitangan akan lebih bermotivasi kerana sistem baru itu akan menggalakkan peningkatan pengetahuan, kemahiran, kecekapan dan keupayaan.

Dr. Kamaruzaman berkata kakitangan boleh mengambil kursus-kursus berkaitan dengan skim pekerjaan mereka di UMS dan jika kursus-kursus itu ditawarkan, mereka boleh menghadiri kelas-kelas di UMS.